

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
(KUBANG KERIAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2018

Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan oleh sebab Kerajaan begitu bergantung kepada kutipan hasil cukai GST melebihi sumber-sumber hasil yang lain, adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar peratusnya, atau mengenakan cukai ini kepada barang-barang yang dikecualikan, pada masa yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017, tiga komponen terbesar yang menyumbang kepada hasil Kerajaan Persekutuan adalah Cukai Pendapatan Syarikat (RM64.5 bilion; 29.2%), GST (RM44.3 bilion; 20.1%) dan Cukai Pendapatan Individu

(RM28.9 bilion; 13.1%). Hasil cukai pendapatan kekal sebagai penyumbang utama hasil Kerajaan Persekutuan, iaitu menyumbang sebanyak 8.0% kepada KDNK berbanding sumbangan GST hanyalah 3.3% kepada KDNK. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan tidak terlalu bergantung kepada hasil GST semata-mata.

Pelaksanaan GST pada 1 April 2015 yang menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) adalah selaras dengan usaha untuk meningkatkan kecekapan kutipan hasil, mempelbagaikan sumber hasil negara khususnya hasil cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi, khususnya petroleum. Dengan pelaksanaannya, kutipan hasil GST pada tahun 2015 yang berjumlah RM27 bilion telah meningkat kepada RM41.2 bilion pada tahun 2016 dan RM44.3 bilion pada tahun 2017. Selain itu, kutipan hasil GST ini telah dapat mengimbangi pengurangan hasil berkaitan petroleum berikutan kejatuhan harga minyak mentah global sejak tahun 2014. Oleh itu, Kerajaan telah dapat mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum dengan peratusan kepada keseluruhan hasil telah berkurang daripada 41.3% pada 2009 kepada 15.7% pada 2017. Kedudukan hasil GST ini telah memberi keupayaan kepada Kerajaan untuk meneruskan usaha konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampuan fiskal jangka panjang negara. Kemampuan fiskal adalah penting bagi mengekalkan daya tahan ekonomi negara, mewujudkan ruang fiskal (fiscal space) untuk

15)
melaksanakan program dan projek pembangunan, seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan pada masa kini tidak bercadang untuk menaikkan kadar *standard* GST 6% ke atas barang dan perkhidmatan yang sedia ada. Ini kerana kadar yang sedia ada telah ditetapkan setelah kajian yang terperinci dibuat untuk memastikan kadar tersebut adalah yang paling bersesuaian. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini di mana cukai jualan dikenakan sama ada pada kadar 5% atau 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
- ii. sumbangan hasil cukai berdasarkan penggunaan oleh pengguna akhir dalam rangkaian pembekalan;
- iii. tanggungan cukai yang sebenarnya ditanggung oleh pengguna dalam komponen perbelanjaan mereka; dan
- iv. bantuan selainnya yang ada disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna termasuklah apa-apa pemberian langsung serta konsesi dalam aspek percukaian.

Selain itu, Kerajaan juga tidak mempunyai cadangan untuk meminda senarai barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST. Ini kerana ianya memerlukan kajian yang teliti dan mendalam dengan

mengambil kira impak kepada rakyat berdasarkan corak perbelanjaan yang meliputi semua golongan rakyat. Sekiranya terdapat keperluan untuk mengkaji semula kadar *standard* GST 6% atau mengkaji semula pengenaan GST ke atas barangan tertentu, Kerajaan akan sentiasa memastikan kepentingan rakyat diutamakan. Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan sistem percukaian negara yang meliputi cukai langsung serta cukai tidak langsung adalah cekap supaya dapat meningkatkan daya saing negara dalam jangka panjang untuk terus memajukan lagi tahap pembangunan ekonomi negara secara mapan.